



20 SEP, 2025

TNB raih 3 anugerah pada Enlit Asia 2025

Harian Metro, Malaysia



TNB raih 3 anugerah pada Enlit Asia 2025

Kuala Lumpur: Kejayaan Tenaga Nasional Bhd (TNB) meraih tiga anugerah semasa persidangan dan pameran antarabangsa berprestij Enlit Asia 2025 di Bangkok baru-baru ini membuktikan penerajuan inovasi dan kemampuannya dalam sektor kuasa dan tenaga.

Daripada tiga anugerah itu, dua adalah pengiktirafan terhadap projek Penyenggaraan Prediktif AI Kabel 11kV dan satu lagi bagi projek Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) di Pulau Tenaga Hijau (PTH), yang membekalkan kuasa ke pulau terpencil yang tidak mempunyai sambungan ke grid elektrik utama.

Pengiktirafan ini sudah pastinya meningkatkan kedudukan TNB sebagai syarikat utiliti dinamik yang aktif memacu peralihan tenaga sejajar dengan trend penyahkarbonan global.

Projek PTH yang terletak di Pulau Perhentian dan Pulau Redang di Terengganu dipilih sebagai pemenang utama bagi kategori Projek Penyimpanan Tenaga.

Projek itu, yang menampilkkan penggunaan sumber tenaga bersih dan boleh baharu, membolehkan penyimpanan tenaga yang lebih cekap sambil menyokong sistem tenaga rendah karbon di kawasan pulau.

Ia sekali gus mencerminkan komitmen TNB untuk



TNB dipilih sebagai pemenang bagi Projek Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri (BESS) di Pulau Tenaga Hijau pada Anugerah Enlit Asia 2025 di Bangkok baru-baru ini. - Foto ihsan FB Tenaga Nasional

memacu transformasi tenaga melalui teknologi digital dan mampan.

Menjelang 2027, campuran penjanaan tenaga untuk Pulau Perhentian dan Pulau Redang diunjurkan terdiri daripada 22 peratus sumber boleh baharu, dengan baki 78 peratus daripada gas asli cecair (LNG).

Pada masa ini, kedua-dua pulau itu bergantung kepada penjana diesel.

Kejayaan projek Pulau Tenaga Hijau itu menyerlahkan keupayaan TNB untuk melaksanakan penyelesaian transformatif dalam persekitaran yang mencabar seperti di pulau

terpencil.

Tidak kurang pentingnya juga adalah pengiktirafan terhadap inisiatif Penyenggaraan Prediktif AI TNB, yang memperlihat bagaimana teknologi digital boleh meningkatkan kecekapan operasi dan kebolehpercayaan perkhidmatan pelanggan.

Penyenggaraan Prediktif AI untuk Kabel 11kV, yang memanfaatkan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk mengenal pasti kabel berisiko tinggi bagi penyenggaraan awal, mendapat tempat kedua dalam dua kategori, iaitu Projek Utiliti Kuasa Terbaik dan Rangkaian Penghantaran

dan Pengagihan.

Inisiatif penyenggaraan prediktif TNB yang dikuasakan teknologi AI mengubah pengurusan rangkaian kabel bawah tanah 11kV, yang selalunya terjejas akibat kerosakan yang banyak kali setiap tahun.

Projek itu yang berjaya dirintis di Selangor dengan ketepatan lebih 80 peratus dalam meramalkan kegagalan sehingga kepada 20 peratus, sekali gus meningkatkan dengan ketara kebolehpercayaan terhadap perkhidmatan.